

Hukuman mati mandatori dikaji

BH - 19/2/2020 w/d: 2

Undang-undang sekarang didakwa terlalu keras

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mohd Anwar Patho
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan melihat kemungkinan meminda hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedar dadah kepada penjara seumur hidup, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, undang-undang berhubung kesalahan berkaitan dadah itu akan di-

kaji kerana ada pihak berpendapat hukuman dikenakan sekarang terlalu keras.

“Kita kaji undang-undang kerana undang-undang sekarang ini amat keras, iaitu kalau didapati sesiapa memiliki sekian banyak dadah, maka hukuman yang boleh dijatuhkan ialah hukuman mati.

“Banyak berpendapat dia (hukuman) tak berkesan sebab itu masih ada mereka yang mencari duit tidak halal dengan mengedar dadah.


“(Kerajaan) akan kaji sama ada dakwaan ini betul atau tidak dan jika kita dapati ada cara lain dalam undang-undang yang boleh mencegah penyalahgunaan dadah atau pengedaran dadah, maka kita akan pinda undang-undang,”

katanya kepada pemberita selepas melancarkan Bulan Antidadah Kebangsaan 2020, di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Mohd Zuki Ali; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Abdul Aziz Jaman dan Ketua Pengarah AADK, Datuk Seri Zulkifli Abdullah.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan Anugerah Khas Tokoh Antidadah kepada Dr Siti Hasmah.

Dr Mahathir berkata, penyalahgunaan dadah adalah satu perkara tidak baik yang membawa mudarat bukan sahaja kepada di-

 **Kita kaji undang-undang kerana undang-undang sekarang ini amat keras, iaitu kalau didapati sesiapa memiliki sekian banyak dadah, maka hukuman yang boleh dijatuhkan ialah hukuman mati.**

Tun Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

ri, tetapi juga kepada masyarakat dan negara.

Dalam ucapannya Perdana Menteri berkata, langkah penguatkuasaan dan rawatan pemulihan dadah oleh pihak berkuasa perlu juga mengambil kira kesesuaian perubahan trend semasa dadah.

Ini katanya, turut membabitkan rawatan dan pemulihan juga harus memahami keperluan pendekatan rawatan seperti disarankan oleh National Institute of Drug Abuse.

“Saya ingin sarankan kepada sektor swasta supaya usaha menangani penyalahgunaan dadah dan bahan (terlarang) menjadi sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat,” katanya.